

Buah gugur awal dilema pekebun durian

PETALING JAYA: Banyak buah gugur sebelum waktu, saiz tidak seragam dan rasa isi kurang lemak. Ia antara isu yang membelenggu pekebun durian sehingga Jun ini, ekoran cuaca panas menjejaskan kuantiti dan kualiti penghasilan 'raja buah' itu.

Pengusaha ladang durian, Zurfahiz Hussin berkata, keadaan itu juga menyebabkan bilangan pokok sakit atau mati meningkat sekiranya tidak diurus dengan baik, lantas mengakibatkan kerugian besar kepada pekebun.

Katanya, cuaca panas bermula sejak awal tahun ini diakui lebih ekstrem berbanding musim terdahulu.

"Risiko utama adalah penurunan hasil dan kualiti buah tidak sekata. Kita mungkin lihat lebih banyak buah gugur, saiz tidak seragam dan isi kurang lemak. Kalau tidak dikawal, kerugian boleh jadi agak besar kepada pekebun.

"Cuaca panas ekstrem amat memberi kesan kepada kualiti buah durian terutama isi dan rasa, sekali gus menjejaskan nilai pasaran.

"Bila pokok 'berpecah' antara bunga, buah dan pucuk, hasil tidak optimum. Kita jangka pengurangan kuantiti dan penurunan kualiti terutama daripada segi isi dan rasa," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, industri durian negara



ZURFAHIZ Hussin di kebun duriannya di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

yang merekodkan nilai eksport kira-kira RM1 bilion setahun ke China berdepan risiko terjejas daripada segi pengeluaran dan kualiti buah berikutan cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga Jun.

Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man berkata, keadaan itu boleh menyebabkan jumlah

eksport menurun serta menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar durian premium di pasaran antarabangsa.

Zurfahiz berkata, masalah itu akibat kekurangan air apabila pokok mengutamakan kelangsungan hidup berbanding penghasilan buah.

"Apabila berlaku tekanan terhadap keperluan air, pokok akan utamakan survival menyebabkan bunga gugur dan buah tidak

berkembang dengan sempurna. Musim panas tahun ini datang lebih awal dan tempohnya lebih panjang.

"Tanda tekanan sudah mula dilihat sejak Januari lagi. Isu ini bukan kes terpencil kerana ramai pekebun melaporkan simptom sama di kawasan masing-masing. Dalam keadaan ini, menjaga kesihatan pokok lebih penting daripada mengejar hasil maksimum," katanya.